| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sokongan bantu pesakit berubah | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 10 Oct 2011 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 192,982 |
| Page No | 26 | Readership | 1,521,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 458 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 12,971 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 38,913 |


Semangat tuntut ilmu perlu sentiasa tersemai
Sokongan bantu pesakit berubah
Penyakit ujian untuk perbaiki diri, kenali erti hidup

# Sokongan bantu pesakit berubah

## Penyakit ujian untuk perbaiki diri, kenali erti hidup

SESI merawat di Pusat Rawatan Islam Al-Hidayah menemukan saya dengan pelbagai latar belakang manusia serta permasalahan dihadapi mereka banyak mengajar serta memberi kesedaran ada sebab kenapa Allah merencanakan kehidupan kita sebegitu.

Seorang pesakit memohon bantuan menghilangkan ketagihan dadah yang dideritai sejak 10 tahun lalu. Ditanya kenapa tiba-tiba ingin berubah, beliau yang berumur awal 30-an, menegaskan kasihankan ibu yang sudah tua dan tidak berdaya. Hidup tidak keruan menguatkan hatinya mendapatkan bantuan.

Sebagai manusia kita tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dan ada kesilapan itu berulang walaupun hati sedar apa yang dilakukan salah bukan saja di sisi undang-undang malah ajaran agama, kerana menyebabkan kerosakan kepada diri sendiri.

Apa yang penting, kita masih diberi hidayah untuk berubah dan membetulkan kesilapan. Tidak kira apa juga alasannya, kesempatan diberikan perlu direbut kerana kita tidak tahu bila lagi kesedaran akan datang jika saat itu gagal dimanfaatkan.

Pesakit tadi pernah dipenjara disebabkan kesalahan dadah tetapi membanggakan dia memilih untuk menghentikan penyakit dihidapi. Memang naluri anak muda, suka mencuba perkara dilarang walaupun asalnya mereka tahu kesan akibat tindakan itu.

Sokongan penting untuk membantu ahli keluarga berdepan masalah. Jangan kerana dia mencari penyakit, kita biarkan dia sendirian mencari penawar. Menjadi kewajipan keluarga membantu saudara mereka yang terjerumus dengan penagihan dadah.

Kesudian ibu menerima walaupun banyak kali anak mencuri duitnya untuk mendapatkan bekalan dadah akhirnya menyedarkan anak dosa dilakukan dan menguatkan tekad untuk berubah. Inilah rencana Allah dan ada sebab mengapa hamba-Nya diberikan pelbagai ujian.

Begitu juga pasangan homoseksual yang datang mencari penawar

Powered by: MediaBanc
Be informed

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sokongan bantu pesakit berubah | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 10 Oct 2011 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 192,982 |
| Page No | 26 | Readership | 1,521,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 458 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 12,971 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 38,913 |

virus HIV yang menyerang tubuh mereka akibat terjerumus dalam hubungan dilarang agama. Walaupun hakikatnya tahu HIV tiada penawar, tetapi ia tidak menghalang mereka berusaha.

Selepas mengetahui kesan akibat daripada perbuatan menyalahi agama itu, mereka mengambil keputusan kembali kepada agama. Selalu kita berkata, biar lambat jangan tidak berubah langsung. Sebenarnya kita tidak pernah terlambat kerana selagi kita berpeluang mengubah keadaan, itulah masa disediakan untuk kita.

Mereka berusaha mencari ubat kepada penyakit yang dihadapi ialah kerana mereka memikirkan masa depan. Remaja atau golongan muda sering dikaitkan dengan sikap terburu-buru apabila membuat keputusan dan terlalu mengikut hati menyebabkan mereka tersalah langkah.

Penyakit atau musibah daripada Allah hanyalah medium untuk menyedarkan kita kesilapan yang dilakukan dan mengambil langkah terbaik menghadapinya, bukan terus melakukan kesilapan sama. Jangan salahkan sesiapa di atas perkara tidak baik menimpa kita.

Perjalanan hidup dilalui kita atau orang lain ada tujuannya. Allah menjadikan manusia berbeza latar belakang, corak pemikiran serta kurniaan nikmat. Kenapa wujudnya perbezaan ialah supaya kita saling belajar dan berfikir.

Jangan sekali-kali menyalahkan Allah, keadaan atau orang lain di atas perbuatan kita dan jangan sekali-kali mudah berserah atau berputus harap. Naluri itu hanyalah ujian dan bagaimana kita berdepan dengannya, itulah gunanya akal fikiran yang hanya manusia memilikinya.

Oleh itu, apa juga keadaan yang kita atau orang lain lalui, ada tujuannya iaitu supaya kita berfikir bukan hanya berserah kepada takdir. Seperti yang saya selalu pesan kepada mereka yang datang mendapatkan rawatan, Allah menguji hamba-Nya kerana kasih sayang-Nya kepada hamba itu.

Justeru, dalam kita berusaha mendapatkan kasih sayang Allah untuk menyembuhkan penyakit yang dihidapi, hendaklah banyak bersabar, berusaha serta tidak putus berdoa. Kesilapan bukan bermakna kita tidak disayangi tetapi itu adalah sebab untuk membolehkan kita mengerti erti hidup. Semoga kita mengambil iktibar dan berusaha memperbaiki diri.

(Ayat penenang hati untuk pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan. Surah Ar-Rahman, ayat 21 hingga 60 (dibaca pada sebelah malam) dan surah Yasin, ayat 72 hingga 80 (dibaca pada waktu siang). Baca surah ini dan kemudian berdoa kepada Allah).

*Penyakit atau musibah daripada Allah hanyalah medium untuk menyedarkan kita kesilapan yang dilakukan dan mengambil langkah terbaik menghadapinya, bukan terus melakukan kesilapan sama. Jangan salahkan sesiapa di atas perkara tidak baik yang menimpa kita*

● GAMBAR HIASAN



SOKONGAN keluarga penting untuk membantu pesakit terjerumus dadah membetulkan kesilapan.



**Ashraf Muslim**

Powered by: MediaBanc Be informed